

SOALAN NO: 148

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]**  
**TARIKH :**  
**SOALAN : 148**

**YB Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapakah Kerajaan enggan mengarahkan kolej-kolej swasta untuk merekrut pelajar perubatan sebagai cara untuk mengurangkan kelebihan bekalan pelajar perubatan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kerajaan tidak pernah menghalang kolej perubatan swasta dari mengambil pelajar-pelajar perubatan.

Walau bagaimana pun jumlah pengambilan pelajar perubatan oleh mana-mana kolej samaada kolej awam atau kolej swasta adalah tertakluk kepada kemampuan kolej tersebut menyediakan kemudahan yang diperlukan bagi tujuan pembelajaran, dan juga tertakluk kepada kuota pengambilan yang diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Sebagai contoh, institusi berkenaan perlu mempunyai kemudahan ruangan pembelajaran, kemudahan perpustakaan, mempunyai kemudahan hospital dengan bilangan katil dan pesakit yang mencukupi bagi tujuan pembelajaran.

Mereka juga perlu mempunyai bilangan pensyarah di bidang pra-klinikal dan pensyarah di bidang klinikal yang mencukupi sebagaimana standard yang ditetapkan, sebagai contoh:

- Ratio staff pensyarah kepada pelajar sebaiknya = 1:4
- Purata masa mengajar setiap pensyarah adalah 15 jam/minggu
- Kumpulan pelajar *bedside teaching* tak lebih dari 8 pelajar
- kumpulan pelajar dalam *skill lab* tak lebih dari 10 pelajar
- kumpulan pelajar dalam sesi *PBL* tak lebih dari 12 pelajar
- kumpulan tutorial pelajar tak lebih dari 16 pelajar

RT11/149

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN M.KULASEGARAN**  
**DARIPADA [IPOH BARAT]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian sedar pada tahun 2016 Kementerian Pendidikan telah mengamanahkan wang sebanyak RM3.5 juta kepada Timbalan Menteri Pelajaran untuk meraikan ulang tahun ke 200 Sekolah Tamil di Malaysia dengan menganjurkan tiga aktiviti. Sila memberikan analisis terperinci mengenai aliran tunai.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Peruntukan untuk perayaan 200 tahun sekolah Tamil di Malaysia adalah satu lagi langkah kerajaan mengiktiraf kejayaan sekolah Tamil di negara ini. Tiada negara lain melainkan negara India yang meraikan peristiwa bersejarah sebegini. Perayaan ini adalah sebahagian daripada komitmen kerajaan untuk memperkasakan pembangunan sekolah-sekolah Tamil di negara ini. Oleh itu, kefahaman Ahli Yang Berhormat mengenai perkara itu dan tuduhan terhadap YB Timbalan Menteri Pendidikan adalah tidak berasas. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menguruskan lima aktiviti sempena ulang tahun ke-200 pendidikan Tamil di Malaysia,

dengan pengurusan aktiviti dan kewangan dilaksanakan sepenuhnya oleh KPM berdasarkan prosedur kewangan yang sedang berkuatkuasa. Pengurusan kewangan dan aktiviti tersebut tidak melibatkan Timbalan Menteri Pendidikan I, tetapi beliau telah hadir untuk merasmikan aktiviti-aktiviti yang berkenaan.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah penerbitan buku *Coffee Table 200 Tahun Kegemilangan Pendidikan Tamil di Malaysia*, Pertandingan Bahasa Tamil 1Malaysia peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan terbuka kepada murid semua kaum, Seminar Pendidikan Guru-guru Tamil daripada 523 buah sekolah Tamil, membekalkan plak peringatan ulang tahun kepada semua sekolah Tamil, dan membuat CD lagu tema menyambut 200 tahun kegemilangan pendidikan Tamil. Semua aktiviti bertujuan memartabatkan pendidikan Tamil di Malaysia dan telah dilaksanakan dengan baik dan mencapai objektif yang ditetapkan.

RT11/14